**Akaun Mata Wang Asing**

**Nama Produk: Akaun Mata Wang Asing OCBC**

**Apakah Akaun Mata Wang Asing OCBC?**
Akaun semasa tanpa pengeluaran cek untuk dana anda dalam mata wang asing.



## Jenis Akaun Mata Wang Asing

| | **Akaun Mata Wang Asing Perdagangan (MWA Perdagangan)** | **Akaun Mata Wang Asing Pelaburan (MWA Pelaburan)** |
|---|---|---|
| Sumber Dana | A. Sehingga 100% hasil eksport barangan tidak melebihi RM200,000 bersamaan setiap transaksi.<br>B. Untuk Eksport barangan melebihi RM200,000 bersamaan setiap transaksi, sehingga lebih tinggi dari:<br>○ 25% daripada hasil eksport barangan<br>○ Amaun dari hasil eksport yang mencukupi untuk memenuhi pembayaran import dengan bukan pemastautin sehingga 6 bulan, pinjaman/pembiayaan pembayaran balik, transaksi semasa lain dalam mata wang asing dengan bukan pemastautin dan pembayaran oleh pengeksport pemastautin kepada pengimport bersih perusahaan sederhana dan kecil pemastautin bagi penyelesaian perdagangan barangan dan perkhidmatan dalam negeri (“Obligasi mata wang asing”)<br>*Ini hanya boleh dipakai sekiranya amaun agregat baki yang ada dalam MWA Perdagangan (dengan OCBC Bank atau bank-bank lain), item A dan 25% daripada hasil eksport barangan tidak mencukupi untuk memenuhi agregat Obligasi mata wang asing 6 bulan anda.*<br>C. Penukaran ringgit sehingga enam bulan obligasi mata wang asing pada kadar semasa (**tidak termasuk** pembayaran kepada pengimport bersih perusahaan sederhana dan kecil pemastautin)<br>D. Penyelesaian kontrak-kontrak hadapan mata wang asing<br>E. Dana mata wang asing yang lain | • Apa-apa jumlah yang menggunakan dana mata wang asing<br>✓ Dari luar negara Malaysia, kecuali hasil daripada eksport barangan<br>✓ Dari bukan pemastautin, selain pinjaman mata wang asing<br>• Sehingga RM10 juta yang bersamaan dengan pinjaman mata wang asing daripada bank tempatan berlesen atau bukan pemastautin<br>• Sehingga RM1 juta yang bersamaan* secara agregat setiap tahun kalendar yang menggunakan dana daripada<br>✓ Penukaran ringgit<br>✓ Penukaran aset kewangan<br>✓ Pemindahan daripada MWA Perdagangan |
| Penggunaan Dana | • Obligasi mata wang asing<br>✓ Pembayaran import<br>✓ Pembayaran balik hutang mata wang asing<br>• Pemindahan dana ke dalam MWA Pelaburan tertakluk kepada had pelaburan.<br>• Transaksi antarabangsa semasa yang lain<br>• Pembayaran oleh pengeksport pemastautin kepada pengimport bersih perusahaan sederhana dan kecil pemastautin bagi penyelesaian perdagangan barangan dan perkhidmatan dalam negeri<br>• Penukaraan mata wang asing kepada Ringgit menurut Notis 1 | • Sebarang tujuan yang diluluskan |

* Untuk individu pemastautin, pemilik tunggal atau perkongsian am yang mempunyai pinjaman ringgit domestik^ sahaja.



Co. Reg. No: 199401009721 (295400-W)

MEMBER AHLI PIDM

OCBC Bank

## Definisi Pinjaman Ringgit Domestik^

Pinjaman dalam ringgit yang diperolehi oleh pemastautin daripada pemastautin lain, kecuali:

- Kemudahan kredit/pembiayaan yang diperolehi oleh individu pemastautin daripada pemastautin untuk membeli satu harta kediaman dan satu kenderaan; atau
- Kemudahan kad kredit dan kad caj diperolehi oleh individu pemastautin daripada pemastautin.

## Jenis Pelaburan dalam Aset Mata Wang Asing

a) Membuat mana-mana pembayaran untuk-

i. Pembelian aset dalam denominasi mata wang asing;
ii. Memberi pinjaman kepada bukan pemastautin dalam denominasi mata wang asing;
iii. Perbelanjaan pentadbiran, modal kerja yang berasal daripada mana-mana aturan perniagaan, termaksud projek usahasama di mana tiada entiti dibentukan atau ditubuhkan, di luar Malaysia;
iv. Pembelian instrumen kewangan atau instrumen kewangan Islam dalam denominasi mata wang asing;
v. Peletakan dana dalam Akaun Mata Wang Asing Pelaburan (MWA Pelaburan);
vi. Pemindahan dana daripada Akaun Mata Wang Asing Perdagangan (MWA Perdagangan) ke MWA Pelaburan; atau
vii. Peletakan dana dalam akaun mata wang asing di luar negara selain daripada tujuan pendidikan atau pekerjaan di luar negara; atau

b) Penukaran aset kewangan di Malaysia dengan aset kewangan di luar Malaysia.

## Kelayakan

**Umur**

Individu yang berumur 18 tahun dan ke atas (untuk akaun perseorangan atau bersama).

**Warganegara**

Dibuka untuk Warga Malaysia, Pemastautin Tetap dan Bukan Pemastautin (tertakluk kepada negara asal).

*Nota: Seorang individu pemastautin boleh membuka :*
- *akaun nama perseorangan atau;*
- *akaun bersama dengan individu bukan pemastautin yang merupakan ahli keluarga terdekat.*

*" Ahli keluarga terdekat " berhubung dengan individu bermakna isteri beliau , ibu bapa, anak-anak atau adik-beradik.*

**Dokumen yang Diperlukan**

Kad Pengenalan atau Pasport

**Mata Wang yang Boleh Didapati**

GBP, SGD, USD, AUD, CAD, EUR, NZD, HKD, JPY and CNY.

**Simpanan Permulaan Minimum**

| | |
|---|---|
| **Pound Sterling** | **GBP 1,000** |
| **Dolar Singapura** | **SGD 2,000** |
| **Dolar Amerika** | **USD 2,000** |
| **Dolar Australia** | **AUD 2,000** |
| **Dolar Kanada** | **CAD 2,000** |
| **Dolar Euro** | **EUR 2,000** |
| **Dolar New Zealand** | **NZD 2,000** |
| **Dolar Hong Kong** | **HKD 2,000** |
| **Yen Jepun** | **JPY 200,000** |
| **Yuan** | **CNY 10,000** |

**Baki Minimum untuk Mengekalkan Akaun**

| | |
|---|---|
| **Pound Sterling** | **GBP 1,000** |
| **Dolar Singapura** | **SGD 2,000** |
| **Dolar Amerika** | **USD 2,000** |
| **Dolar Australia** | **AUD 2,000** |
| **Dolar Kanada** | **CAD 2,000** |
| **Dolar Euro** | **EUR 2,000** |
| **Dolar New Zealand** | **NZD 2,000** |
| **Dolar Hong Kong** | **HKD 2,000** |
| **Yen Jepun** | **JPY 200,000** |
| **Yuan** | **CNY 10,000** |

**Notis Pertukaran Asing (*FE Notices*)**

*FE Notices* adalah satu set peraturan yang ditadbir oleh Bank Negara Malaysia di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan Akta Perkhidmatan Kewangan Islamik 2013 untuk melindungi nilai mata wang Malaysia.

Akaun Mata Wang Asing Perdagangan dan Akaun Mata Wang Asing Pelaburan dituntun oleh *FE Notices*. Untuk maklumat lanjut, sila rujuk kepada FE Notices yang penuh dan terkini dalam laman web BNM mengenai Peraturan Pentadbiran Pertukaran Asing.

V9/Mar 2023
Co. Reg. No: 199401009721 (295400-W)

| Kadar Faedah | |
|---|---|
| **Pengiraan Faedah** | Faedah dikumpul berdasarkan kadar harian, tertakluk kepada:<br>• baki minimum dikekalkan dalam akaun; dan<br>• jika mata wang tersebut memperolehi faedah, dan dikreditkan pada hujung bulan bergantung kepada baki minimum yang boleh didapati |
| **Kadar Faedah** | Kadar faedah terkini boleh didapati di laman web OCBC Malaysia dan cawangan-cawangan OCBC Bank yang terdekat. OCBC Bank berhak untuk menukar kadar faedah dan jika berlaku, mestilah mengumumkannya di cawangan, di laman web OCBC Bank atau dalam media massa. |
| **Ciri-ciri dan Manfaat** | |
| **Penyata Akaun** | Akaun anda didatangkan dengan penyata elektronik secara asal yang boleh didapati di Perbankan Online OCBC dan/atau dihantar ke alamat e-mel anda. Penyata bercetak hanya akan dihantar kepada anda setiap bulan atas permintaan.<br><br>Caj RM10.00 sebulan akan dikenakan dengan setiap permohonan penyata tambahan. |
| **Insurans Simpanan** | Dilindungi oleh PIDM setakat RM250,000 bagi setiap pendeposit.<br><br>Untuk maklumat lanjut, sila rujuk kepada risalah maklumat PIDM yang boleh didapati di kaunter kami atau layari laman web PIDM. |
| **Pengendalian Akaun Dorman** | Mana-mana akaun simpanan atau akaun semasa yang tiada aktiviti selama 1 tahun atau lebih dari tarikh transaksi terakhir akan dikira sebagai akaun dorman.<br>Untuk mengaktifkan semula akaun dorman, anda perlu melakukan transaksi simpanan atau pengeluaran melalui kaunter di mana-mana cawangan OCBC Bank (Malaysia) Berhad atau OCBC Al-Amin Bank Berhad dengan sendiri.<br>*Nota: Untuk Akaun Mata Wang Asing OCBC, tiada caj dorman dikenakan.* |
| **Policy Wang yang Tak Dituntut** | Sila ambil perhatian bahawa mana-mana akaun dengan baki kredit tetapi kekal dorman selama tujuh (7) tahun atau lebih akan dipindahkan kepada “Wang Yang Tak Dituntut” selaras dengan Akta Wang Tak Dituntut 1965. |
| **Pengendalian Akaun Bersama** | • Akaun bersama (“Akaun”) boleh dibuka untuk 2 individu atau lebih yang berumur 18 tahun dan ke atas. Kad Pengenalan/ Pasport diperlukan dengan setiap permohonan.<br>• Pemegang-pemegang Akaun adalah layak secara bersama ke atas sebarang baki simpanan atau kredit yang terdapat dalam Akaun.<br>• Semua arahan berhubung dengan Akaun, termasuk tanpa had berkaitan dengan pengendalian dan penutupan Akaun atau penggantungan atau penamatan perkhidmatan, pertukaran alamat, pegangan surat atau butiran lain tentang pemegang-pemegang Akaun yang didaftar dengan Bank atau sebarang maklumat lain, akan diberikan secara bertulis (atau dengan cara lain yang dibenarkan oleh OCBC Bank) oleh semua pemegang Akaun bersama, kecuali diarahkan sebaliknya melalui surat oleh semua pemegang Akaun bersama.<br>• Semua pemegang Akaun bersama mestilah bertanggungjawab secara bersama ke atas semua transaksi yang terbit daripada sesuatu arahan.<br>• Jika OCBC Bank menerima arahan yang bercanggah, sama ada daripada atau bukan daripada orang(-orang) yang dibenarkan, OCBC Bank boleh memilih untuk bertindak atas mandat yang diberi oleh semua pemegang Akaun bersama.<br>• Sebaik sahaja menerima notis kematian bagi salah seorang pemegang Akaun, OCBC Bank layak untuk membayar baki simpanan atau kredit seperti sewajarnya, kepada pemegang yang tinggal dan jika lebih daripada seorang pemegang dalam nama bersama, asalkan sebelum pembayaran dibuat, OCBC Bank layak untuk menolak sebarang hutang ditanggung oleh pemegang-pemegang Akaun bersama di bawah mana-mana Akaun dengan OCBC Bank dan/atau dengan mana-mana syarikat dalam Kumpulan OCBC daripada baki simpanan atau kredit tersebut.<br>• OCBC Bank boleh membenarkan pemegang(-pemegang) Akaun yang masih ada untuk meneruskan operasi Akaun tertakluk kepada keperluan Terma dan Syarat dikenakan oleh OCBC Bank yang dipenuhi. |


MEMBER AHLI PIDM
OCBC Bank

| Ringkasan Yuran dan Caj | |
|---|---|
| **Caj Perkhidmatan Akaun Separa Tahun** | USD20.00 atau yang bersamaan dengannya bagi setiap akaun. |
| **Penutupan Awal Akaun**<br>• Dalam tempoh 3 bulan dari tarikh pembukaan | RM20 |
| **Yuran dan Caj-caj Lain** | Sila rujuk Personal Banking > Fees & Charges di laman web OCBC Malaysia untuk yuran dan caj-caj lain |

| Maklumat Perhubungan | |
|---|---|
| **OCBC Bank (Malaysia) Berhad** | Untuk maklumat lanjut, pertanyaan atau maklum balas tentang produk dan perkhidmatan kami yang terkini, anda boleh menghubungi Pusat Perhubungan kami atau layari laman web kami (sila rujuk Customer Service Hotlines > Personal Banking di laman web OCBC Malaysia) atau kunjungi mana-mana cawangan OCBC Bank yang berhampiran anda.<br><br>Anda juga boleh menghubungi kami pada bila-bila masa untuk mengemaskini Maklumat Peribadi anda. Maklumat ini penting bagi kami dalam usaha untuk memberi anda perkhidmatan yang lebih baik. Sila maklum bahawa semua maklumat peribadi anda adalah sulit. Sekiranya anda mempunyai sebarang aduan tentang produk atau tahap perkhidmatan kami, hantarkannya secara bertulis kepada alamat berikut (sila rujuk Help & Support > The Dispute Resolution Process di laman web OCBC Malaysia):<br><br>**Service Transformation Department**<br>OCBC Bank (Malaysia) Berhad,<br>Menara OCBC,<br>18 Jalan Tun Perak,<br>50050 Kuala Lumpur<br>Atau, sekiranya anda ingin mendapatkan pandangan pihak berkuasa tentang cara kami mengendalikan aduan, Ombudsman Perkhidmatan Kewangan boleh dihubungi atau emel (sila rujuk Hubungi Kami di laman web Ombudsman for Financial Services); atau Bank Negara Malaysia (sila rujuk Hubungi Kami di laman web Bank Negara Malaysia). |
| **Bank Negara Malaysia** | Untuk pertanyaan lanjut tentang Produk Kewangan, sila layari<br><br>• Laman web MyCoverage<br>Anda juga boleh mengunjungi BNMLINK yang berhampiran atau hubungi BNMTELELINK (sila rujuk Hubungi Kami di laman web Bank Negara Malaysia). |
| **Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM)** | Hubungi talian hotline PIDM (boleh didapati dari Isnin hingga Jumaat mulai 8.30 pagi hingga 5.30 petang) atau emel kepada PIDM (sila rujuk Contact Us di laman web PIDM). |

Penafian: Lembaran Maklumat Produk ini adalah untuk tujuan maklumat semata-mata dan tidak mengandungi sebarang nasihat bagi mana-mana perkara yang dibincangkan. Semua maklumat dan bahan termasuk tentang perkhidmatan, produk, maklumat kewangan, data, teks atau perkara-perkara lain yang diberikan adalah seperti 'seadanya' dan 'boleh didapati' dan diberikan untuk maklumat dan rujukan anda sahaja. OCBC Bank tidak menjamin kebergunaan atau kecukupan maklumat yang diberikan dan tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang akibat yang timbul daripada mempercayai sebarang pendapat atau kenyataan yang terkandung di sini atau ke atas mana-mana pengeluarannya. Terma dan Syarat yang lebih terperinci bagi **Akaun Mata Wang Asing OCBC** ini dinyatakan dalam Perkhidmatan dan Akaun Bank – Terma dan Syarat Utama dan Terma dan Syarat lain yang diguna pakai untuk produk ini (jika ada) yang boleh didapati di cawangan OCBC Bank dan di laman web OCBC Malaysia. Lembaran Maklumat Produk ini adalah sulit dan tidak boleh dikeluarkan semula (secara penuh atau sebahagian) kepada sesiapa sahaja tanpa mendapat kebenaran bertulis daripada OCBC Bank terlebih dahulu. Simpanan Mata Wang Asing adalah tertakluk kepada perubahan kadar tukaran asing yang memberikan peluang dan juga risiko. Anda mungkin akan mengalami kerugian ke atas prinsipal apabila anda menukar mata wang asing kepada mata wang asas. Oleh itu, anda harus menentukan mana-mana mata wang asing yang sesuai bagi objektif dan situasi kewangan anda.



Co. Reg. No: 199401009721 (295400-W)

MEMBER AHLI PIDM